



UNTUK SIARAN
SEGERA

17 APRIL 2020

**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**PEMBAYARAN BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN)
FASA PERTAMA KEPADA PENERIMA B40 YANG TIDAK
MEMPUNYAI AKAUN BANK ATAU GAGAL KREDIT**

Sehingga 17 April 2020, Kerajaan telah menyalurkan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) kepada 6.5 juta penerima golongan berpendapatan rendah (B40), melibatkan bayaran melebihi RM4.8 bilion. Namun begitu, terdapat sebahagian kecil penerima B40 yang telah diluluskan BPN tetapi belum menerima pembayaran berkenaan kerana tidak mempunyai akaun bank atau bayaran BPN gagal dikreditkan ke dalam akaun mereka.

Sehubungan itu, penerima berkenaan boleh menerima bayaran secara tunai di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) mulai 17 April 2020 sehingga 31 Disember 2020. Untuk senarai cawangan yang dibuka atau maklumat lanjut, penerima boleh melayari laman web BSN di www.mybsn.com.my.

Penerima yang ke cawangan BSN perlu membawa kad pengenalan masing-masing, dan dinasihatkan agar mematuhi penjarakan sosial serta arahan kesihatan dan keselamatan dari anggota Polis dan RELA yang bertugas.

Inisiatif di atas adalah hasil dari langkah PRIHATIN di bawah matlamat *Lindungi Rakyat*, bagi memastikan Kerajaan dapat menyalurkan bantuan kepada masyarakat B40 yang amat memerlukannya, terutamanya dengan penyambungan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 28 April 2020. Kerajaan berharap agar bantuan ini dapat sedikit sebanyak meringankan beban kehidupan golongan yang disasar ini.

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
17 April 2020

Lampiran 1

BPN akan diberikan kepada mereka yang layak mengikut jadual berikut:

Kategori & Pendapatan Bulanan	B40 Isi Rumah RM4,000 ke bawah	B40 Bujang RM2,000 ke bawah	M40 Isi Rumah RM4,001 hingga RM8,000	M40 Bujang RM2,001 hingga RM4,000
Jumlah Bantuan BPN	RM1,600	RM800	RM1,000	RM500
Fasa Pembayaran	April: RM1,000 Mei: RM600	April: RM500 Mei: RM300	April: RM500 Mei: RM500	April: RM250 Mei: RM250
Status Akaun	Pangkalan Data B40: Sekiranya tiada akaun atau status pengkreditan adalah Gagal Kredit, pembayaran akan dibuat secara tunai melalui BSN.			
Kaedah Pembayaran	Penerima yang layak boleh hadir ke mana-mana Cawangan BSN bagi menerima bayaran secara tunai dengan membawa Kad Pengenalan masing-masing.			

Peringatan: Tempoh permohonan baharu dan rayuan BPN dibuka dari 1 - 30 April 2020. Bagi memastikan BPN sampai kepada mereka yang benar-benar layak, proses verifikasi bagi permohonan baharu akan dibuat pada bulan Mei 2020 di mana pembayaran BPN akan dibuat secara sekaligus pada bulan yang sama.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak Kementerian atau LHDNM melalui nombor-nombor telefon atau pautan berikut:

	No telefon/ e-mel	Waktu operasi
Kementerian Kewangan	03-8882 9089 03-8882 9087 03-8882 9191 03-8882 4565 03-8882 4566	9 pagi – 5 petang Ahad - Jumaat
	bsh@treasury.gov.my pre2020@treasury.gov.my Telegram: PRE PRIHATIN Facebook: Kementerian Kewangan Malaysia	24 Jam
LHDNM	1-800 882 747 03-8911 1000	9 pagi – 5 petang Ahad - Jumaat